

SELASA, 18 NOVEMBER, 1980

Peranan Perniagaan Kecil

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di pembukaannya rasmi seminar mengenai masa depan peniaga-peniaga kecil, Ahad lalu, telah menegaskan bahawa tidak perlu ahli-ahli peniaga Cina mencari orang-orang kenamaan apabila mahukan rakan-rakan Bumiputera. Dasar kerajaan lebih mementingkan kemungkinan maju sesuatu projek dari faktor-faktor lain meluluskannya. Beliau juga telah menekankan bahawa setiap usahasama itu seharusnya melibatkan pembahagian peranan dan tanggungjawab yang sewajarnya.

Dengan pelaksanaan dasar industri sumber asas yang berskel besar yang menggunakan teknologi kompleks dalam dekad-lapan puluhan ini peranan peniaga dan pengusaha kecil akan dengan sendirinya turut menjadi bertambah penting. Dalam sebuah ekonomi yang kian mengembang peluang-peluang untuk melahir dan memperbesar pelbagai jenis perusahaan dan perniagaan pasti akan bertambah. Jadinya untuk terus memainkan peranan mereka secara berkesan keseluruhan masyarakat peniaga dan pengusaha kecil yang bilangan ahlinya ditaksirkan kira-kira 70,000 orang itu akan terpaksa bergiat lebih gigih dan berganding bahu untuk mendukung fungsi mereka dengan jayanya.

Dua cabaran besar yang akan dihadapi ialah soal mendapatkan modal — dan bagi setengah mereka yang telah pun mempunyai perniagaan menambah pada yang ada — dan meningkatkan lagi darjah kecekapan urusanniaga mereka. Walaupun kekurangan ini dirasai oleh semua peniaga-pengusaha namun dari beberapa segi golongan yang paling teruk menghadapi kesulitan ialah peniaga-pengusaha Bumiputera sendiri. Hakikat ini sebenarnya tidak sukar difahami. Mereka ialah golongan yang baru mencebur diri di lapangan ini dan di samping itu terpaksa pula bersaing dengan rakan-rakan mereka yang telah berkedudukan jauh lebih tegap.

Menyedari betapa pentingnya sektor peniaga-pengusaha kecil di dalam ekonomi negara dan keperluan meluaskan penyertaan Bumiputera di dalamnya kerajaan telah mengadakan berbagai kemudahan dan skim bantuan. Untuk memudahkan pengumpulan dan penajaan modal pengecualian cukai jualan telah diberikan kepada perniagaan dengan pusangan niaga hingga \$20,000 setahun dan pelbagai skim pinjaman telah juga diadakan. Untuk memperbaiki keupayaan pengurusan peluang-peluang latihan disediakan oleh Mara, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan beberapa agensi lain. Di samping itu khidmat teknik dan pengurusan turut disediakan. Sedikit sebanyak langkah-langkah ini telah pun mula memperlihatkan kesan. Dalam konteks ini dan demi mencapai perimbangan yang lebih baik, khususnya dari segi memperbaiki penyertaan Bumiputera projek-projek usahasama boleh memainkan peranan yang penting dan seharusnya diberikan sepenuh sokongan.